

U B313 AAB

MAHATHIR - FORMULA

(I)

KUALA LUMPUR, 29 MAC (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA PEMETERAIAN PERJANJIAN MENGENAI KERAJAAN CAMPURAN DI SABAH YANG DIJADUALKAN HARI INI TELAH DIBATALKAN.

+IA MENJADI TIDAK BERERTI JIKA KETIGA-TIGA PARTI UTAMA TIDAK DAPAT DUDUK BERSAMA,+ KATA BELIAU KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MENGHADIRI PERBARISAN HARI POLIS DI PULAPOL DI SINI HARI INI.

PARTI BERSATU SABAH (PBS) MASIH BELUM MENYATAKAN KEPUTUSANNYA BERHUBUNG DENGAN FORMULA YANG DICADANGKAN OLEH PERDANA MENTERI BAGI MENYELESAIKAN KRISIS SABAH.

BERJAYA DAN SUDAH BERSETUJU MENANDATANGANI PERJANJIAN ITU YANG SEPATUTNYA BERLANGSUNG HARI INI DENGAN DIHADIRI OLEH PERDANA MENTERI, SETIAUSAHA AGUNG BARISAN NASIONAL ENCIK GHAFAR BABA DAN SETIAUSAHA AGUNG UMNO DATUK SANUSI JUNID.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KETIGA-TIGA PIHAK YANG TERBABIT SEBELUM INI MEMBERITAHU BELIAU BAHAWA MEREKA BERSETUJU DENGAN FORMULA ITU.

+NAMPAKNYA, SEKARANG SUDAH BERUBAH. SAYA TIDAK TAHU.+ -- LAGI.
1119MST 29 03 86

U B323 AAB

MAHATHIR - FORMULA 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR KETIKA DITANYA BILAKAH BELIAU MENJANGKA DAPAT MENEMUI PRESIDEN PBS DATUK JOSPEH PAIRIN KITINGAN BERKATA,+ SAYA TIDAK TAHU. TERPULANGLAH KEPADA MEREKA.+

PBS TELAH MENGADAKAN MESYUARAT MAJLIS TERTINGGINYA DI KOTA KINABALU SEMALAM TETAPI TIDAK MENCAPAI KEPUTUSAN APA-APA.

PEGAWAI PERHUBUNGAN KETUA MENTERI SABAH ENCIK CYRIL YANSALANG MEMBERITAHU PARA PEMBERITA SEMALAM, MESYUARAT ITU AKAN DITERUSKAN HARI INI.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENGESAHKAN PBS MASIH BELUM MEMBUAT KEPUTUSAN MUKTAMAD MENGENAI PERKARA ITU.

BELIAU ENGGAN MENGULAS KETIKA DITANYA SAMA ADA FORMULA BARU AKAN DICARI BAGI MENGGANTIKAN YANG ADA JIKA PBS ENGGAN MENERIMANYA.

-- BERNAMA.